

# **POLISI PENTAKSIRAN & PENILAIAN AKADEMIK UiTM PINDAAN 2021**

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &  
ANTARABANGSA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

Editor Penasihat  
**Professor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor**

Ketua Editor  
**Professor Madya Ts. Dr. Syamsul Nor Azlan Mohamad**

Editor  
**Dr. Nadia Hanin Nazlan, CHE, CHIA.**

## Isi Kandungan

<b>Isi Kandungan</b>	<b>1</b>
<b>Senarai Singkatan</b>	<b>3</b>
<b>Senarai Istilah</b>	<b>4</b>
<b>PENGENALAN</b>	<b>7</b>
1.0 <i>Tujuan Polisi</i>	7
1.1 <i>Skop Polisi</i>	7
1.2 <i>Perkaitan Pentaksiran, Penilaian, Pengujian dan Pengukuran</i>	7
1.3 <i>Perkaitan PEO dan PLO dalam Pentaksiran</i>	8
<b>2.0 PENTAKSIRAN BERASASKAN HASIL</b>	<b>9</b>
2.1. <i>Penjajaran Konstruktif</i>	9
2.2. <i>Tujuan Pentaksiran</i>	9
2.3. <i>Bentuk Pentaksiran</i>	9
2.4. <i>Kaedah Pentaksiran</i>	9
2.5. <i>Pembangunan Pentaksiran dan Penilaian</i>	10
2.6. <i>Rekabentuk Instruksi Pentaksiran dan Penilaian</i>	10
2.7. <i>Jam Pembelajaran Pelajar (Student Learning Time)</i>	11
2.8. <i>Had Bilangan Penilaian Kursus</i>	11
2.9. <i>Semakan Berkala Pentaksiran Pelajar</i>	11
2.10. <i>Polisi Hakcipta Hasil Kerja</i>	11
<b>3.0 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DAN PELAN PENTAKSIRANKURSUS</b>	<b>12</b>
3.1 <i>Penjajaran Konstruktif</i>	12
3.2 <i>Tujuan Pelan Pentaksiran Kursus</i>	12
3.3 <i>Prosedur Penghantaran Pelan Pentaksiran Kursus</i>	12
<b>4.0 PEMBANGUNAN JSU/ JSUB/ JSP DAN PELAKSANAAN PENILAIAN</b>	<b>13</b>
4.1 <i>Pelaksanaan JSU/JSUB/JSP</i>	13
4.2 <i>Penggunaan Bahasa dalam Penilaian</i>	13
4.3 <i>Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif / Berterusan</i>	13
4.4 <i>Pelaksanaan Peperiksaan Akhir</i>	13
4.5 <i>Pelaksanaan Pentaksiran Dalam Talian</i>	14

<b>5.0 PROSES PEMARKAHAN PENILAIAN AKADEMIK</b>	<b>16</b>
5.1 <i>Pemarkahan</i>	16
5.2 <i>Pencapaian Penilaian Berterusan</i>	16
5.3 <i>Pemarkahan Peperiksaan Akhir/Profesional</i>	16
5.4 <i>Pemarkahan Pentaksiran Akhir</i>	16
5.5 <i>Moderasi Pemarkahan</i>	16
5.6 <i>Penggredan</i>	17
5.7 <i>Kemasukan Markah dan Validasi</i>	17
5.8 <i>Pemakluman dan Penyelarasang</i>	17
5.9 <i>Pemantauan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan</i>	17
<b>6.0 KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR</b>	<b>18</b>
<b>7.0 INTEGRITI DAN KEJUJURAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UiTM</b>	<b>18</b>
<b>8.0 KETIDAKPATUHAN POLISI PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UITM</b>	<b>20</b>
<b>9.0 PEMAKAIAN POLISI</b>	<b>20</b>
<b>Bahan Rujukan</b>	<b>21</b>
<i>Disediakan Oleh</i>	23
<i>Universiti Teknologi MARA (UiTM)</i>	23
<i>Pemilik Polisi</i>	23

## **Senarai Singkatan**

AIMS	<i>Academic Information Management System</i>
CDL	<i>Closing the Loop</i>
CLO	<i>Course Learning Outcome</i>
COPPA	<i>Code of Practice for Programme Accreditation</i>
COPIA	<i>Code of Practice for Institutional Audit</i>
CQI	<i>Continuous Quality Improvement</i>
JAF	Jawatankuasa Akademik Fakulti
JAN	Jawatankuasa Akademik Negeri
JAK	Jawatankuasa Kokurikulum
JAP	Jawatankuasa Akademik Pusat Asasi
JKIKU	Jawatankuasa Induk Kurikulum UiTM
JKIPA	Jawatankuasa Induk Penilaian Akademik
JKIQU	Jawatankuasa Induk Kualiti UiTM
JSP	Jadual Spesifikasi Projek / Produk
JSU	Jadual Spesifikasi Ujian
JSUB	Jadual Spesifikasi Ujian Berterusan
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
ODL	<i>Open and Distance Learning</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PEO	<i>Programme Educational Objective</i>
PLO	<i>Programme Learning Outcome</i>
PTJ	Pusat Tanggungjawab

## Senarai Istilah

Istilah	Definisi
Bukti Langsung	Bukti yang dikumpulkan dan dianalisis untuk menunjukkan bahawa pembelajaran telah benar-benar berlaku. Ia memberitahu pelajar, staf akademik dan pihak berkepentingan yang lain mengenai kedalam, kelebaran dan kualiti prestasi.
Bukti Tidak Langsung	Bukti tidak langsung ialah bukti atau dapatan yang dikumpulkan untuk mendapatkan persepsi pelajar mengenai pembelajaran dan pengalaman pembelajaran mereka.
<i>Closed-ended item</i>	Item penilaian yang memerlukan pelajar untuk memilih jawapan yang betul atau menulis jawapan pendek yang betul.
<i>Competency-based</i>	Penilaian berlandaskan kemahiran yang diperlukan dalam bidang tertentu seperti pergigian. Ia memenuhi kehendak hasil pembelajaran sesuatu kursus atau program atau modul.
<i>Criterion-based</i>	Penilaian yang berlandaskan kriteria yang telah dikenal pasti dan sejajar dengan hasil pembelajaran kursus.
Domain Psikomotor	Tahap Taksonomi Psikomotor merangkumi 7 aras: persepsi, set, respons terpimpin, mekanisme, respons ketara kompleks, adaptasi, dan rekacipta / lakukan tulen.
Domain Afektif	Tahap Taksonomi Afektif merangkumi 5 aras: menerima, memberi maklum balas, menilai, menyusun dan menghayati.
Domain Kognitif	Tahap Taksonomi Kognitif merangkumi 6 aras: mengingat, pemahaman, aplikasi, analisis, penilaian dan mencipta.
Jadual Spesifikasi Ujian	Matrik yang menghuraikan pencapaian yang hendak diukur serta memberi panduan untuk mendapatkan satu sampel item-item yang ingin disoal.
Kebolehpercayaan dan Ketekalan	Ketekalan ukuran ( <i>consistency of measures</i> ) yang dihasilkan oleh alat pengujian. Antara faktor kebolehpercayaan ialah jenis ujian, jangkamasa pengujian, kesediaan pelajar, persekitaran, pemarkahan dan pentadbiran.
Kesahan	Sejauh mana alat ukuran dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur. Kesahan terbahagi kepada kesahan isi kandungan, kesahan ramalan, kesahan serentak, kesahan rupa dan kesahan konstruk.
Kesaksamaan	Kesaksamaan dalam memberikan markah secara objektif dan bebas daripada pertimbangan subjektif. Kesaksamaan dapat dipertingkatkan dengan rubrik atau skema permarkahan yang teliti dan jelas, dan proses moderasi bagi semua pemeriksa.

Learning feedback	Maklumbalas pembelajaran yang bertujuan untuk penambahbaikan pembelajaran secara berterusan dan memberi peluang kepada pelajar meningkatkan prestasi.
Moderasi	Aktiviti semakan penilaian akademik pelajar untuk memastikan bahawa penilaian telah dibuat mengikut prinsip asas penilaian.
<i>Open-ended item</i>	Item penilaian yang memerlukan pelajar untuk memberi jawapan bertulis dalam bentuk esei pendek atau panjang.
Pelan Pentaksiran Kursus	Pelan pentaksiran kursus adalah pemetaan hasil pembelajaran kepada rancangan pengajaran, pembelajaran dan penilaian mengikut pemetaan domain hasil pembelajaran yang dipilih.
Pengukuran	Pengukuran adalah hasil daripada proses mengukur dan memberikan nilai angka kepada atribut atau ciri dan juga kepada pencapaian hasil pembelajaran. Rujuk kepada konsep instrumen / alat pengukuran untuk penjelasan mengenai intrumen pengukuran.
Penilaian	Penilaian ialah suatu proses membuat pertimbangan dan keputusan mengenai prestasi pelajar dan prestasi program bersandarkan kepada standard tanda aras yang dinyatakan oleh kriteria prestasi dan sasaran prestasi bagi sesuatu hasil pembelajaran berdasarkan bukti yang telah diperolehi daripada proses pentaksiran.
Penajaran Konstruktif	Penajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang gunakan untuk merangka pengajaran dan pembelajaran yang mengaitkan hasil pembelajaran yang ingin dicapai.
Pentaksiran	Suatu kaedah pengumpulan data langsung dan tidak langsung serta bukti pembelajaran pelajar yang dijalankan secara sistematik, berterusan dan berulang dengan menggunakan sumber yang pelbagai dan berbeza. Data digunakan bertujuan menambahbaik kualiti dan prestasi pelajar.
Pentaksiran Berterusan	Perolehan data yang dilakukan secara berterusan sepanjang perjalanan kursus / modul atau sepanjang perjalanan program bagi tujuan pengumpulan bukti berlakunya pembelajaran yang mana akan digunakan untuk penambahbaikan pembelajaran, pengubahsuaian pengajaran dan pengubahsuaian reka bentuk kurikulum. Ia juga meliputi perolehan data yang digunakan untuk mentaksir tahap pencapaian kursus yang ditawarkan oleh sesuatu program ke arah menyokong pencapaian hasil pembelajaran program.
Pentaksiran Rujukan Kriteria ( <i>Criterion-referenced Assessment</i> )	Suatu pendekatan pentaksiran di mana skor dan gred yang diterima oleh pelajar adalah merujuk kepada

	kriteria pentaksiran yang memperlihatkan pencapaian hasil pembelajaran yang dihasratkan.
Pentaksiran Rujukan Norma ( <i>Norm-referenced Assessment</i> )	Pentaksiran Rujukan Norma ialah pendekatan pentaksiran di mana penentuan gred pelajar dibuat dengan membandingkan pencapaian seseorang pelajar kepada pencapaian pelajar lain.
Pentaksiran Sumatif ( <i>Summative Assessment</i> )	Matlamat pentaksiran sumatif atau peperiksaan berkepentingan tinggi adalah untuk mengukur kualiti prestasi, tahap pencapaian, atau tahap kecekapan pelajar bagi setiap hasil pembelajaran setelah tamatnya sesuatu unit pengajaran atau tamatnya kursus / modul / program. Kualiti prestasi hasil pembelajaran ini diperolehi dengan tanda aras standard bagi setiap hasil pembelajaran tersebut. Tujuan pentaksiran sumatif adalah untuk membuat keputusan atau pertimbangan mengenai pemberian gred dan menentukan masa depan pelajar.
Rubrik	Alat penskoran / penggredan yang mengandungi senarakriteria dan standard tanda aras dan digunakan untuk pemberian skor / gred bagi tugas pentaksiran atau hasil pembelajaran.
Standard program	Dokumen rujukan mengikut bidang yang dikeluarkan oleh MQA bagi tujuan membangun dan menyemak sesuatu kurikulum akademik.
Tugas Pentaksiran	Hasil kerja spesifik yang dinyatakan bagi memperlihatkan pencapaian. Menyatakan dengan jelas arahan dan maklumat yang perlu dilakukan bagi melengkapkan tugas tersebut.

# **POLISI PENTAKSIRAN & PENILAIAN AKADEMIK UITM**

## **PENGENALAN**

Polisi Pentaksiran & Penilaian Akademik Pelajar UiTM ialah prinsip dan ketetapan yang menjadi asas dalam mengurus, mentadbir dan melaksana hal ehwal pentaksiran akademik pelajar UiTM yang mengikuti program UiTM (termasuk pelajar Kolej Bersekutu).

Program yang tertakluk kepada standard program MQA dan badan profesional hendaklah mengikuti standard program serta keperluan badan professional dan disesuaikan mengikut polisi ini dengan merujuk kepada prinsip, objektif dan kriteria penilaian dalam perkara penilaian pelajar asalkan ianya tidak bercanggah atau melanggar prinsip pentaksiran dan penilaian secara amnya.

### **1.0 Tujuan Polisi**

Polisi ini bertujuan untuk memastikan keutuhan dalam hal pembangunan, pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian akademik pelajar yang merangkumi:

- i. perancangan pelan pentaksiran kursus dan program
- ii. pemastian penajaran konstruktif
- iii. perancangan JSU / JSUB / JSP berdasarkan pelan pentaksiran kursus dan program
- iv. pembinaan item penilaian
- v. pentadbiran aktiviti penilaian
- vi. pengurusan pemarkahan dan pengredan
- vii. penyelarasan keputusan penilaian
- viii. amalan integriti dan kejujuran
- ix. keselamatan dan kerahsiaan.

### **1.1 Skop Polisi**

Polisi ini diguna pakai untuk mengurus, mentadbir dan melaksana hal ehwal pentaksiran dan penilaian akademik pelajar UiTM di peringkat Pra-Diploma, Asasi, Diploma, Sarjana Muda dan Pasca Siswazah, mengikut bidang pengajian dalam penilaian berterusan dan peperiksaan akhir masing masing.

### **1.2 Perkaitan Pentaksiran, Penilaian, Pengujian dan Pengukuran**

**Pentaksiran** ialah proses mendapatkan maklumat dengan menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan sama ada formatif atau sumatif, formal atau informal, bagi mendapatkan bukti yang boleh dipertimbangkan dan seterusnya membuat penilaian.

**Penilaian** adalah proses membuat keputusan bagi mengukur perubahan tingkah laku seseorang individu terhadap pembelajarannya baik dari aspek kognitif, afektif atau psikomotor mengikut kriteria. Penilaian dilakukan untuk memperoleh maklumat dan membuat keputusan berkaitan prestasi pencapaian hasil pembelajaran pelajar.

**Pengujian** perlu melalui satu prosedur yang sistematik yang berteraskan kepada lima (5) prinsip iaitu kesahan (*validity*), kebolehpercayaan (*reliability*), kesaksamaan (*fairness*), ketekalan (*consistency*) dan integriti (*integrity*). Ianya melibatkan pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan penilaian akademik dalam mengukur hasil pembelajaran pelajar.

**Pengukuran** boleh dilakukan secara objektif dan subjektif berdasarkan kepada kriteria. Oleh itu, keputusan haruslah berbentuk nilai angka untuk menentukan peringkat pencapaian pelajar.

### 1.3 Perkaitan PEO dan PLO dalam Pentaksiran

Pentaksiran adalah satu proses mendapatkan maklumat dan bukti bahawa pelajar berjaya menamatkan sesuatu kursus atau bergraduat dari sesuatu program akademik. Proses ini menilai hasil pencapaian melibatkan penentuan kriteria dan standard prestasi bagi setiap hasil atau atribut yang dinyatakan dalam setiap hasil pembelajaran. Oleh itu setiap program akademik perlu mempunyai PEO dan PLO yang direkabentuk mengikut acuan dan keperluan program yang ditawarkan. PLO mesti meliputi domain / kerangka yang digariskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Berikut adalah perbezaan PEO, PLO dan CLO:

PEO adalah objektif pendidikan program yang digunakan bagi membantu pencapaian matlamat program (*programme aims*). PLO pula merupakan hasil pembelajaran program yang dijana untuk memastikan PEO boleh dicapai. Kompetensi pelajar bagi setiap PLO dapat dipupuk melalui perancangan, susunan dan gabungan hasil pembelajaran kursus (CLO) yang sesuai. Pencapaian PEO terhadap graduan bagi sesuatu program dinilai selepas 4 hingga 5 tahun pelajar bergraduat. Manakala, pencapaian PLO terhadap graduan bagi sesuatu program dinilai sebaik sahaja pelajar bergraduat. Hasil pembelajaran kursus (CLO) bagi setiap kursus perlu mempunyai hubungkait dengan PLO. Pernyataan CLO meliputi aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang perlu dicapai di akhir setiap kursus.

## **2.0 PENTAKSIRAN BERASASKAN HASIL**

Dalam Pentaksiran Berasaskan Hasil, kaedah pentaksiran hendaklah dibina sejarar dengan pencapaian hasil pembelajaran. Kaedah penilaian perlu menyokong kemajuan pembelajaran pelajar (penilaian formatif) dan mengesahkan pencapaian hasil pembelajaran pelajar di akhir proses pembelajaran (penilaian sumatif).

### **2.1. Penjajaran Konstruktif**

- 2.1.1 Menggunakan kerangka MQF dalam membangunkan program akademik UiTM.
- 2.1.2 Menunjukkan hubungan antara hasil pembelajaran, aktiviti PdP dan pentaksiran.
- 2.1.3 Perlu berlaku di peringkat kursus dan program.

### **2.2. Tujuan Pentaksiran**

Tujuan pentaksiran akademik pelajar adalah untuk:

- 2.2.1 Mendapatkan bukti data langsung (*criterion-based reference*) dan bukti data tidak langsung (*learning feedback*).
- 2.2.2 Menentukan tahap pencapaian individu pelajar berbanding dengan hasil pembelajaran.
- 2.2.3 Menentukan kebolehan seseorang pelajar berdasarkan kemahiran domain kognitif / afektif / psikomotor yang dinilai atau mana-mana taksonomi yang diguna pakai.

### **2.3. Bentuk Pentaksiran**

- 2.3.1 Antara jenis pentaksiran adalah seperti berikut:

- i. Pentaksiran Berasaskan Prestasi/ *Performance-based Assessment*
- ii. Pentaksiran Berasaskan Portfolio/ *Portfolio-based Assessment*
- iii. Pentaksiran Berasaskan Kendiri/ *Self-Based Assessment*
- iv. Pentaksiran Berasaskan Rakan Sebaya atau Kumpulan/ *Peer or Group Based Assessment*
- v. Pentaksiran Berasaskan Teknologi/ *Technology-Based Assessment*
- vi. Pentaksiran Berasaskan Rundingan / *Negotiation-Based Assessment*

Kesemua jenis pentaksiran ini boleh digunakan untuk menilai pencapaian pelajar mengikut kesesuaian hasil pembelajaran. Pentaksiran bukan sahaja melihat kepada kebolehan berfikir tetapi aspek pembangunan kemahiran seperti komunikasi, digital, nilai dan etika dan atribut-atribut yang menyokong pembangunan pelajar berdasarkan kerangka MQA. Dengan kaedah pentaksiran alternatif yang pelbagai, pelajar berpeluang untuk menunjukkan kompetensi dan kebolehan serta kemahiran secara individu atau berkumpulan.

### **2.4. Kaedah Pentaksiran**

Kaedah pentaksiran akademik pelajar UiTM merangkumi:

#### 2.4.1 Pentaksiran Formatif (*Assessment for Learning*)

Pentaksiran formatif dijalankan secara formal atau tidak formal bagi mengukur kemajuan atau penguasaan pelajar terhadap sesuatu pembelajaran. Pentaksiran formatif berfungsi sebagai maklumbalas penambahbaikan pembelajaran pelajar dan boleh menyumbang kepada gred akhir pelajar.

#### 2.4.2 Pentaksiran Sumatif (*Assessment of Learning*)

Pentaksiran sumatif dijalankan pada akhir sesuatu tempoh pengajaran (topik / unit / mingguan / bulanan / semester / bahagian / klinikal).

#### 2.4.3 Pentaksiran Semasa Pembelajaran (*Assessment as Learning*)

Pentaksiran semasa pembelajaran adalah penilaian kendiri yang berterusan yang dilakukan untuk membantu pelajar sepanjang pembelajaran. Pelajar melalui proses refleksi dan melakukan penyesuaian sehingga mereka menguasai dan mendalamai ilmu tersebut. Ianya bertujuan untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran dapat diseimbangkan mengikut keperluan pelajar. Ianya juga membantu mencipta strategi yang sesuai dan menyediakan maklumbalas dalam meningkatkan motivasi, komitmen dan mengesan keupayaan serta prestasi pelajar.

### 2.5. Pembangunan Pentaksiran dan Penilaian

Pentaksiran dan penilaian akademik perlu:

- 2.5.1 Dibangunkan sesuai dengan kurikulum dan sejajar dengan hasil pembelajaran serta standard program atau badan profesional.
- 2.5.2 Menggunakan Bahasa Inggeris kecuali bagi kursus yang telah diluluskan oleh Senat.
- 2.5.3 Mengambilkira sensitiviti agama, budaya, kefahaman politik, kaum, jantina, status sosio-ekonomi dan keadaan semasa.
- 2.5.4 Mengambilkira keperluan pelajar kelainan upaya.

### 2.6. Rekabentuk Instruksi Pentaksiran dan Penilaian

Rekabentuk instruksi adalah amat penting dalam pelaksanaan pentaksiran dan penilaian. Kebolehan pensyarah mengadaptasi dan menyesuaikan pentaksiran dengan situasi sebenar dapat memberikan pengalaman dalam pembelajaran aktif. Rekabentuk instruksi yang jelas dan tepat membolehkan pelajar melaksanakan tugas dengan baik. Berikut adalah amalan baik dalam mereka bentuk intruksi dalam pentaksiran dan penilaian:

- 2.6.1 Mereka bentuk instruksi dan memilih kaedah penilaian yang bersesuaian.
- 2.6.2 Menjelaskan situasi tugas penilaian dalam konteks generik dan spesifik.
- 2.6.3 Menerangkan tindakan pelajar daripada tugas tersebut.
- 2.6.4 Menjelaskan hasil dan impak dari tugas terhadap pengetahuan dan kemahiran pelajar.
- 2.6.5 Menyediakan rubrik dan memberi refleksi sebagai langkah

penambahbaikkan.

## **2.7. Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time*)**

- 2.7.1 *Student Learning Time* (SLT) merangkumi semua usaha pelajar dalam melengkapkan sesuatu kursus yang ditawarkan. Pengiraan SLT mengambil kira aktiviti pembelajaran secara bersemuka, tidak bersemuka, serta aktiviti pentaksiran.
- 2.7.2 Jumlah markah pentaksiran harus ditentukan melalui pembahagian SLT yang jelas dan tepat.
- 2.7.3 Pengiraan SLT adalah berdasarkan kepada rekabentuk sesuatu kursus yang ditawarkan.

## **2.8. Had Bilangan Penilaian Kursus**

- 2.8.1 Satu kursus hanya dibenarkan menilai pelajar dengan bilangan tugas minimum 2 hingga 5 dalam tempoh satu semester.
- 2.8.2 Disarankan satu hasil pembelajaran kursus diuji dengan satu penilaian yang bersesuaian.
- 2.8.3 Penentuan bilangan penilaian disejajarkan dengan hasil pembelajaran pelajar dan *Student Learning Time* (SLT).
- 2.8.4 Penilaian yang bilangannya melebihi dari 3 perlu memohon dan disahkan di JAF/JAK/JAN/JAP dengan justifikasi keperluan dan seterusnya dimaklumkan di JKIKU.

## **2.9. Semakan Berkala Pentaksiran Pelajar**

- 2.9.1 Semakan pentaksiran pelajar mesti dijalankan secara berkala berdasarkan kepada standard yang ditetapkan dalam garis panduan (COPPA / COPPA-ODL / COPIA), standard program dan standard badan profesional.

## **2.10. Polisi Hakcipta Hasil Kerja**

- 2.10.1 Hasil kerja pelajar menjadi hakmilik universiti tetapi hakcipta adalah kekal menjadi milik pelajar / graduan. Setiap rujukan kepada hasil hakcipta mesti diikuti dengan penghargaan kepada UiTM.
- 2.10.2 Kerjasama akademik contohnya bersama industri yang melibatkan penilaian pelajar adalah digalakkan. Walau bagaimanapun ia hendaklah berlandaskan kepada arahan / garis panduan / pekeliling / peraturan university atau agensi-agensi yang berkaitan.

### **3.0 PENJAJARAN KONSTRUKTIF DAN PELAN PENTAKSIRAN KURSUS**

#### **3.1 Penjajaran Konstruktif**

Penjajaran konstruktif merujuk kepada prinsip yang digunakan untuk merangka aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran yang mengaitkan secara langsung hasil pembelajaran yang ingin dicapai.

#### **3.2 Tujuan Pelan Pentaksiran Kursus**

Pelan Pentaksiran Kursus adalah untuk memastikan pengajaran, dan pentaksiran adalah sejajar dengan matlamat program (*program aims*), objektif pendidikan program (*program educational objective*), hasil pembelajaran program (*program learning outcome*). Ianya juga bertujuan untuk merancang penilaian formatif dan sumatif yang sejajar dengan hasil pembelajaran.

#### **3.3 Prosedur Penghantaran Pelan Pentaksiran Kursus**

- 3.3.1 Mendapatkan nasihat mengenai pelan pentaksiran daripada Timbalan Dekan Akademik / Timbalan Rektor Akademik / Jawatankuasa *National Outcome-based Learning (NOBL)*.
- 3.3.2 Mengambilkira penjajaran konstruktif dalam dokumen pentaksiran program dan kursus.
- 3.3.3 Membincangkan dan meluluskan dokumen pentaksiran melalui mesyuarat di peringkat fakulti / pusat akademik / cawangan.
- 3.3.4 Menghantar dokumen pentaksiran untuk disemak oleh Unit Hal Ehwal Kurikulum.
- 3.3.5 Membentang dokumen pentaksiran di mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Universiti (JKIKU).

## **4.0 PEMBANGUNAN JSU/ JSUB/ JSP DAN PELAKSANAAN PENILAIAN**

### **4.1 Pelaksanaan JSU/JSUB/JSP**

- 4.1.1** PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan mesti merancang, membangun dan mengesahkan JSU/JSUB/JSP bagi memastikan kualiti penilaian pembelajaran pelajar.
- 4.1.2** PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan mesti mematuhi JSU/JSUB/JSP untuk memastikan kesetaraan dan kualiti item penilaian akademik pelajar.
- 4.1.3** PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan mesti mengambil kira keperluan standard program atau badan profesional mengenai penilaian akademik pelajar yang berkaitan dengan hasil pembelajaran kursus.
- 4.1.4** JSU/JSUB/JSP boleh disemak dan dikemaskini setiap semester dan perlu diluluskan di JAF/JAK/JAN/JAP.

### **4.2 Pengunaan Bahasa dalam Penilaian**

- 4.2.1** Menggunakan Bahasa Inggeris dalam setiap penilaian (alternatif / berterusan / peperiksaan akhir) kecuali kursus yang telah mendapatkan kelulusan Senat untuk dijawab di dalam bahasa lain.
- 4.2.2** Projek akhir / exegesis / disertasi / tesis di semua peringkat pengajian mesti ditulis di dalam Bahasa Inggeris kecuali dengan kelulusan Senat.

### **4.3 Pelaksanaan Pentaksiran Alternatif / Berterusan**

- 4.3.1** Pelaksanaan pentaksiran alternatif / berterusan mesti dibina berdasarkan domain pembelajaran kognitif, afektif dan psikomotor.
- 4.3.2** JSUB / JSP pentaksiran alternatif / berterusan mesti dibangun dan disediakan.
- 4.3.3** Kualiti set soalan atau tugas perlu dilihat dari aspek kesahan, kebolehpercayaan, kesaksamaan, dan ketekalan.
- 4.3.4** Kualiti set soalan / tugas yang melebihi 30% mesti disemak dan diminitkan oleh jawatankuasa *vetting* fakulti / kampus / pakar bidang / pakar sumber yang dilantik.
- 4.3.5** Semua aktiviti pentaksiran alternatif / berterusan mesti dilaksana dan berakhir sebelum minggu ulangkaji.
- 4.3.6** Pensyarah memastikan pelajar menghantar tugas beserta deklarasi kod etika dan kejujuran.
- 4.3.7** Tugasan pelajar mesti disemak / diberi maklumbalas dan markah mengikut tempoh yang ditetapkan.
- 4.3.8** Tindakan tatatertib boleh dikenakan terhadap pelajar sekiranya terdapat bukti bahawa pelajar telah melakukan ketidakjujuran akademik.

### **4.4 Pelaksanaan Pentaksiran Akhir**

Pelaksanaan pentaksiran akhir mestilah mengikut Peraturan Akademik dan Manual Pengurusan Peperiksaan UiTM.

- 4.4.1** Soalan pentaksiran akhir yang berbentuk ujian atau peperiksaan

- mesti dibina berdasarkan domain kognitif.
- 4.4.2** JSU bagi semua pentaksiran berbentuk ujian atau peperiksaan mesti dibangun dan disediakan.
- 4.4.3** Pembangunan set soalan perlu dilakukan dengan sistematik dan teratur menggunakan platform yang telah disediakan.
- 4.4.4** Kualiti set soalan peperiksaan akhir mesti disemak oleh Jawatankuasa Pentaksiran dan Penilaian Fakulti / Kampus yang dilantik.
- 4.4.5** Set soalan yang telah digunakan pada mana-mana sesi peperiksaan akhir tidak boleh digunakan semula dalam tempoh empat semester.
- 4.4.6** Bagi kursus yang ditawarkan di pelbagai pusat peperiksaan di manapun ia dijadualkan pada waktu yang berlainan, set-set soalan peperiksaan akhir mestilah:
- 4.4.6.1 disediakan mengikut bilangan lokasi / zon.
  - 4.4.6.2 soalan yang telah diuji dalam ujian beterusan tidak boleh digunakan semula dalam peperiksaan akhir.
  - 4.4.6.3 dijamin kesetaraan aras kemahiran domain pembelajaran kognitif dan aras kesukaran sama walaupun item berbeza.
- 4.4.7** Semua pelajar diwajibkan menduduki pentaksiran akhir bagi kursus yang mempunyai pentaksiran akhir.
- 4.4.8** Ketua Pengawas peperiksaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya jika pelajar didapati melanggar peraturan peperiksaan akhir.

#### **4.5 Pelaksanaan Pentaksiran Dalam Talian**

Pentaksiran dalam talian boleh dilaksanakan dengan syarat menggunakan hasil pembelajaran kursus yang sejajar. Pentaksiran dalam talian dapat dilaksanakan dengan dua keadaan iaitu:

##### **4.5.1 Pentaksiran Segerak / Synchronous Assessment**

- 4.5.1.1 Pentaksiran Segerak melibatkan pensyarah dan pelajar di dalam talian pada suatu masa yang sama.
- 4.5.1.2 Pensyarah perlu merancang dan memastikan pentaksiran segerak boleh dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.5.1.3 Pentaksiran Segerak boleh dilaksanakan sekiranya pelajar mempunyai kebolehcapaian internet yang baik.

##### **4.5.2 Pentaksiran Tidak Segerak / Asynchronous Assessment**

- 4.5.2.1 Pentaksiran Tidak Segerak melibatkan pensyarah dan pelajar berada pada satu keadaan yang berbeza masa dan lokasi. Pentaksiran ini membenarkan pensyarah merancang dan mereka bentuk pentaksiran yang boleh dilaksanakan dalam suatu tempoh yang telah ditetapkan.
- 4.5.2.2 Memastikan soalan dan masa yang diperuntukan mencukupi dan memadai bagi pelajar melengkapkan tugasannya tersebut.

4.5.2.3 Boleh menggunakan soalan yang berbeza tetapi mempunyai aras yang sama.

**4.5.3 Tempoh Masa Pengujian**

4.5.3.1 Merujuk kepada Garis Panduan *Student Learning Time* (SLT) yang diwartakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau mana-mana Badan Profesional yang berkaitan dengan program akademik.

4.5.3.2 Bagi pengujian dalam talian, tempoh masa pengujian boleh disesuaikan mengikut kepada keupayaan dan kebolehcapaian pelajar.

4.5.3.3 Perlaksanaan masih tertakluk kepada perkara 4.3 dan 4.4.

**4.5.4 Pelaksanaan Pentaksiran Segerak/Tidak Segerak**

4.5.4.1 Proses pengendalian ujian / pentaksiran dalam kelas wajib mengikut peraturan seperti peperiksaan akhir.

4.5.4.2 Set soalan yang telah digunakan pada mana-mana sesi ujian bertulis dalam kelas tidak boleh digunakan semula dalam peperiksaan akhir.

4.5.4.3 Semua pelajar diwajibkan menduduki ujian bertulis bagi kursus yang mempunyai ujian bertulis.

4.5.4.4 Pensyarah/Pengawas ujian boleh mengambil tindakan yang sewajarnya jika pelajar didapati melanggar peraturan ujian.

## **5.0 PROSES PEMARKAHAN PENILAIAN AKADEMIK**

### **5.1 Pemarkahan**

Semua penilaian akademik pelajar mesti diberi markah mengikut kaedah penilaian dan pemberat yang telah ditetapkan.

### **5.2 Pencapaian Penilaian Berterusan**

Pencapaian penilaian berterusan mesti dimaklumkan kepada pelajar untuk tujuan penambahbaikan prestasi.

5.2.1 Markah penilaian berterusan mesti dimaklumkan kepada pelajar kecuali:

- i. kursus yang bergred lulus / gagal
- ii. kursus yang mempunyai 100% penilaian akhir.
- iii. bahagian akhir penilaian bagi kursus yang mempunyai 100% penilaian berterusan.

5.2.2 Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, semua pemarkahan penilaian berterusan dimaklumkan kepada pelajar pada minggu ke 13 atau 14 sebelum tarikh peperiksaan akhir kursus berkenaan (kecuali kursus yang melibatkan projek akhir / exegesis / disertasi / tesis).

Bagi kursus yang tidak mempunyai peperiksaan akhir, 30% hingga 70% markah penilaian berterusan perlu dimaklumkan kepada pelajar sebelum berakhir minggu ke 14.

### **5.3 Pemarkahan Peperiksaan Akhir/Profesional**

5.3.1 Penilaian peperiksaan akhir / profesional bertulis mesti mematuhi perkara berikut:

5.3.1.1 Bagi penilaian peperiksaan yang berbentuk khusus (closed-ended items), skema jawapan, rubrik pemarkahan dan pecahan markah perlu disediakan.

5.3.1.2 Bagi penilaian peperiksaan yang berbentuk terbuka (open-ended items), cadangan jawapan, rubrik pemarkahan dan pecahan markah perlu disediakan.

### **5.4 Pemarkahan Pentaksiran Akhir**

5.4.1 Penilaian pentaksiran akhir mestilah mematuhi perkara seperti berikut:

5.4.1.1 Mempunyai skema jawapan/cadangan jawapan, rubrik pemarkahan, deskriptor yang jelas beserta pecahan markah.

### **5.5 Moderasi Pemarkahan**

5.5.1 PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan mesti menentukan mekanisme bersesuaian bagi moderasi pemarkahan skrip jawapan / rubrik pemarkahan bagi peperiksaan akhir / profesional / pentaksiran akhir.

5.5.2 Sekiranya terdapat perbezaan markah yang ketara di antara penilaian semasa proses moderasi, tindakan penyelarasian dan pembetulan mesti dilaksanakan segera.

## **5.6 Penggredan**

- 5.6.1 Markah penilaian perlu dijumlahkan mengikut ketetapan peratus agihan penilaian akademik pelajar seperti di dalam maklumat kursus di dalam sistem AIMS.
- 5.6.2 Gred hendaklah diberi berdasarkan sistem piawaian dalam Peraturan Akademik UiTM.
- 5.6.3 PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan mesti memastikan pembetulan projek / exegesis / disertasi / tesis diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan untuk tujuan penggredan.

## **5.7 Kemasukan Markah dan Validasi**

Kemasukan markah dan validasi markah penilaian berterusan / peperiksaan akhir / pentaksiran akhir dan gred mesti dibuat mengikut prosedur sedia ada dalam tempoh yang ditetapkan.

## **5.8 Pemakluman dan Penyelarasian**

- 5.8.1 Keputusan pencapaian pelajar hanya boleh dimaklumkan kepada pelajar selepas keputusan dibentang dan diperakukan di mesyuarat JKIPA kecuali:
  - i. keputusan peperiksaan professional bagi Kumpulan Kesihatan yang diluluskan di mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kumpulan Sains Kesihatan.
  - ii. keputusan Peperiksaan Khas yang diluluskan di mesyuarat JAF/JAK/JAN/JAP.
- 5.8.2 Pelajar boleh membuat rayuan penyemakan semula bagi
  - i. peperiksaan akhir / pentaksiran akhir atau
  - ii. peperiksaan profesional (program perubatan dan pergigian sahaja)
- 5.8.3 Semua keputusan semak semula, pembetulan atau pengemaskinian mesti disahkan dalam mesyuarat rayuan semak semula di JKIPA.

## **5.9 Pemantauan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan**

- 5.9.1 Memastikan pelaporan CDL-CQI dilakukan setiap semester selepas keputusan rasmi peperiksaan diumumkan.
- 5.9.2 Pelaporan CDL-CQI mestilah dibentangkan di mesyuarat JAF/JAK/JAN/JAP untuk diambil tindakan.

## **6.0 KESELAMATAN DAN KERAHSIAAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR**

- 6.1** Semua urusan merancang, membangun, mentadbir, mengurus dan menyelaras penilaian akademik pelajar merangkumi:
- 6.1.1 Set soalan
  - 6.1.2 Salinan utama set soalan (Master Copy)
  - 6.1.3 Sistem bank item
  - 6.1.4 Skrip jawapan
  - 6.1.5 Skema dan model jawapan, dan
  - 6.1.6 Sistem pemarkahan hendaklah sentiasa dijamin keselamatan dan kerahsiaannya oleh Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan
- 6.2** PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan mestilah menjamin keselamatan pelajar semasa menjalankan aktiviti penilaian akademik yang melibatkan risiko tinggi.
- 6.3** Staf UiTM yang terlibat dalam pengurusan, pembangunan, pentadbiran dan pelaksanaan peperiksaan akhir serta mempunyai pertalian persaudaraan dengan mana-mana pelajar mestilah membuat pengisyntiharan pada setiap awal semester.
- 6.4** Set soalan yang telah dihasilkan / dijana mestilah dijamin keselamatan dan kerahsiaannya.

## **7.0 INTEGRITI DAN KEJUJURAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UiTM**

Integriti akademik merupakan keseiringan nilai-nilai intrinsik yang penting untuk memupuk sikap bertanggungjawab dalam penerokaan ilmu dan kecemerlangan akademik. Adalah menjadi tanggungjawab setiap pelajar UiTM untuk bersikap jujur dan menyanjung tinggi semua piawaian yang telah ditetapkan dalam semua pentaksiran akademik. Pelajar boleh dikenakan tindakan tatatertib sekiranya dibuktikan terlibat dalam sebarang salah laku akademik. Salah laku akademik adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada perkara yang berikut:

- a. **Meniru:** Menggunakan, atau percubaan menggunakan sebarang alat, bantuan, sumber, amalan, atau bahan yang tidak dibenarkan ketika melengkapkan sebarang pentaksiran akademik. Penipuan termasuk, tetapi tidak terhad kepada meniru hasil tugas pelajar lain, membenarkan pelajar lain meniru hasil tugasan, melakukan Kerjasama yang tidak sah pada tugasan atau ujian buku terbuka, atau sebarang tingkah laku lain yang wajar dianggap sebagai penipuan.
- b. **Plagiat:** Menggunakan, atau percubaan menggunakan karya orang lain (idea, rekabentuk, seni, muzik, kajian, kata-kata, dll.) tanpa mengakui sumber asli. Menggunakan atau membeli bahan yang telah disediakan oleh perseorangan atau agensi untuk melakukan sebarang tingkah laku yang wajar dianggap sebagai plagiat.
- c. **Fabrikasi:** Memalsukan data, maklumat, atau petikan dalam sebarang pentaksiran akademik.

- d. **Penipuan:** Memberi maklumat palsu kepada pensyarah dalam sebarang aktiviti pentaksiran akademik.
- e. **Memberi maklumat palsu:** Memberikan maklumat atau pernyataan palsu kepada mana-mana pegawai, tenaga pengajar, atau pejabat UiTM.

Dalam mengendalikan pentaksiran dan penilaian akademik, pensyarah dan pelajar memainkan peranan dalam memastikan integriti dan kejujuran diberikan perhatian secara khusus. Berikut adalah peranan pensyarah dan pelajar:

## 7.1 Peranan Pensyarah

- 7.1.1 Pensyarah tertakluk kepada Kod Etika dan Nilai UiTM.
- 7.1.2 Memastikan pengurusan, pembangunan, pentadbiran dan pelaksanaan pentaksiran dan penilaian dilaksanakan dengan baik.
- 7.1.3 Mengamalkan sikap adil dan saksama dalam proses penilaian.
- 7.1.4 Memberikan maklumbalas kepada pelajar bagi tujuan penambahbaikan dan prestasi pelajar.
- 7.1.5 Bahan bukti hasil pelajar perlu disimpan dengan baik dalam bentuk softcopy atau hardcopy dalam tempoh 6 bulan atau mengikut keperluan PTJ.
- 7.1.6 Memastikan tugas yang diberikan tidak melibatkan kepentingan peribadi.

## 7.2 Peranan Pelajar

- 7.2.1 Mematuhi peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti.
- 7.2.2 Mengamal sikap amanah, jujur dan bertanggungjawab dalam menyempurnakan tugas yang diberikan.
- 7.2.3 Memastikan hasil kerja pelajar adalah tulen dan tiada unsur-unsur plagiat, penipuan, pengubahsuaian dan penyamaran.
- 7.2.4 Menggunakan aplikasi dalam talian dengan bijak dan menggunakan tetapan privasi pada tugas yang dimuatnaik.
- 7.2.5 Tidak memuatnaik apa sahaja maklumat atau bahan yang boleh menggugat keselamatan diri dan nama baik universiti.
- 7.2.6 Hasil kerja pelajar yang dinilai menjadi hak milik (ownership) universiti. Bagi hal hak pencipta (authorship) hasil kerja pelajar adalah menjadi milik pelajar / graduan, bersama pensyarah / staf atau rakan sekutu yang dilantik (berdasarkan kepakaran yang telah disumbangkan). Peratusan hak pencipta (authorship) perlulah dipersetujui bersama diantara pelajar dan pensyarah bagi tujuan pendaftaran harta intelek hasil kerja pelajar tersebut. Pihak universiti berhak untuk menyimpan dan mengkomersilkan hasil kerja pelajar. Proses inventori dan pengkomersilan adalah merujuk kepada Dasar Harta Intelek UiTM, Dasar Pengkomersilan Harta Intelek UiTM dan dasar atau polisi yang berkaitan.

## **8.0 KETIDAKPATUHAN POLISI PENTAKSIRAN DAN PENILAIAN AKADEMIK PELAJAR UITM**

- 8.1** Jawatankuasa Induk Kualiti UiTM (JKIQU) perlu melaporkan dapatan audit kualiti berkaitan penilaian pelajar untuk tujuan penambahbaikan di mesyuarat Senat.
- 8.2** PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan berkenaan perlu membuat laporan dan cadangan segera berkaitan ketidakpatuhan Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik melalui mesyuarat JAF/JAK/JAN/JAP mengikut prosedur sedia ada.
- 8.3** Staf boleh melaporkan sebarang ketidakpatuhan Polisi Pentaksiran dan Penilaian Akademik kepada PTJ Fakulti / Pusat Akademik / Cawangan. Tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas pensyarah yang gagal mematuhi polisi ini.
- 8.4** Tindakan tatatertib boleh dikenakan ke atas pelajar sekiranya terdapat bukti ketidakjujuran akademik dan kegagalan mematuhi polisi ini.

## **9.0 PEMAKAIAN POLISI**

Polisi ini merupakan prinsip dan ketetapan yang digunakan oleh warga akademik melalui program akademik dan kursus yang ditawarkan di UiTM. Staf-staf sokongan dan pelajar-pelajar yang terlibat juga tertakluk kepada polisi ini. Prinsip ini adalah bagi menjamin kualiti dan integriti dalam pentaksiran dan penilaian universiti.

## Bahan Rujukan

- Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM. (2017). *Peraturan Akademik UiTM*.
- Bahagian Peperiksaan UiTM. (2015). *Peraturan Peperiksaan Akhir*.
- Bahagian Peperiksaan, UiTM. (2012). *Manual Pengurusan Peperiksaan Akhir (Edisi 1)*.
- Bahagian Peperiksaan, UiTM. (2013). *Glosari Istilah Peperiksaan dan Penilaian Pelajar UiTM*.
- Institut of Quality and Knowledge Advancement (INQKA), UiTM. (2012). *Avoiding Plagiarism: A Guidebook for Students*.
- Institut of Quality and Knowledge Advancement (INQKA), UiTM. (2012). *Understanding Plagiarism: A Guidebook for Lecturers*. UiTM Press.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2016). *Rubrik PNGK Bersepadu iCGPA: Panduan Pentaksiran Hasil Pembelajaran*.
- Malaysian Qualifications Agency (MQA). (2013). *Guidelines for Good Practices: Assessment of Students*.
- Malaysian Qualifications Agency (MQA). (2018). *Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*.
- Pekeliling-pekeliling Akademik UiTM.
- Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK), Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM. (2012). *Garis Panduan Kesetaraan Kualiti Penilaian Pelajar UiTM (Edisi Ke-2)*. UiTM Press.

# Sekalung Budi dan Penghargaan

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ingin merakamkan sekalung budi serta penghargaan kepada pihak yang menyumbang secara langsung dan tidak langsung dalam pencetusan idea, penyediaan serta penerbitan dokumen Polisi Penilaian Akademik Pelajar UiTM Edisi Kedua tahun 2021.

Keikhlasan dan kemurnian hati tuan/puan dalam merealisasikan polisi ini amat dihargai. Semoga inisiatif ini dapat memantapkan penilaian akademik pelajar di UiTM.

## Senarai Ahli Panel

No.	Nama	Organisasi
1.	Professor Ts. Dr. Hajah Roziah Mohd Janor	UiTM Shah Alam
2.	Professor Dr. Hj. Ahmad Mazli Hj. Muhammad	UiTM Shah Alam
3.	Professor Dr. Ghazali Daimin	UiTM Shah Alam
4.	Professor Dr. Parmjit Singh a/l Aperapar Singh	UiTM Selangor
5.	Professor Madya Ts. Dr. Mohd Rozi Ahmad	UiTM Shah Alam
6.	Professor Madya Dr. Norzuwana Sumarjan	UiTM Selangor
7.	Professor Madya Dr. Sharipah Ruzaina Syed Aris	UiTM Selangor
8.	Professor Madya Dr. Shireena Abdul Rahman	UiTM Selangor
9.	Professor Madya Dr. Thuraiya Mohd	UiTM Perak
10.	Dr. Nadia Hanin Nazlan, CHE, CHIA.	UiTM Selangor
11.	Dr. Sharifah Muzlia Syed Mustafa	UiTM Selangor
12.	En. Mohd Taufik Zamri@Zimri	UiTM Selangor
13.	Puan Nurzeatul Hamimah Abdul Hamid	UiTM Shah Alam
14.	Puan Zuraimi Zakaria	UiTM Selangor

**Disediakan Oleh**

Bahagian Pentaksiran dan Penilaian Akademik (BPPA)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Pemilik Polisi**

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**Pelaksanaan Polisi**

April 2021

**Semakan Polisi**

Januari 2017 dan Mac 2021

**Kelulusan Polisi**

Mesyuarat Senat ke-268  
Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-178

**Dokumen yang diguna pakai /dirujuk bersama polisi:**

Dokumen Agensi Kelayakan Malaysia (MQA),  
Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT),  
Perintah Am, Kurikulum Akademik UiTM,  
Standard Program, Peraturan, Pekeliling dan  
Garis panduan yang berkaitan dengan penilaian akademik pelajar UiTM.